

PERCANGGAHAN ANTARA RIWAYAT-RIWAYAT ASBAB AL-NUZUL DAN KAEDAH-KAEDAH PENTARJIHANNYA

Mohd Nazri Ahmad

*Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
m_nazri@ukm.edu.my*

ABSTRACT

Principally, there has never been a conflict among the narratives of Asbab al-Nuzul during the time of Prophet Muhammad s.a.w, the companions, and the followers. Such disagreements only arose when some commentators improperly merged Quranic verses and Asbab al-Nuzul narratives during the documentation era. This merging has implications for both the interpretation of Quranic verses and the formulation of Islamic legal rulings. This article will present several examples of conflicting narratives and the ways to deal with them. The study uses a qualitative approach involving data collection and analysis. The findings reveal that these disagreements arise from the interpretations of modern commentators. Moreover, they affect how Quranic verses are understood and how Islamic legal rulings are made.

ABSTRAK

Secara hakikatnya tidak pernah berlaku percanggahan antara riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* di zaman Rasulullah s.a.w, sahabat dan tabi'in. Ia hanya berlaku di zaman pembukuan apabila sebahagian mufasssir telah menggabungkan antara ayat-ayat al-Qur'an dan riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* dengan cara yang tidak tepat. Ini memberi kesan kepada tafsiran sesuatu ayat al-Qur'an dan juga hukum fiqh. Artikel ini akan membawa beberapa contoh riwayat yang bertentangan dan kaedah-kaedah mengatasinya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu dengan cara pengumpulan data dan dianalisis. Hasil kajian mendapati percanggahan ini berlaku hasil daripada ijtihad ahli-ahli tafsir mutakhir. Ia juga memberi kesan kepada pentafsiran terhadap sesuatu ayat dan hukum-hakam.

PENGENALAN

Al-Qur'an diturunkan oleh Allah kepada manusia sebagai petunjuk kepada jalan kebenaran. Di dalam al-Qur'an terdapat panduan bagi asas kehidupan manusia bermula daripada ibadat, mu'amalat, munakahat, jinayat dan urusan pentadbiran Negara. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap muslim untuk memahami al-Qur'an. Tidak mungkin seorang muslim itu mengamalkan al-Qur'an tanpa memahaminya. Antara elemen terpenting dalam memahami dan mentafsirkan al-Qur'an ialah pengetahuan mengenai sebab-sebab turun al-Qur'an.

Perlu difahami, bukan kesemua ayat-ayat al-Qur'an diturunkan bersebab. Bahkan kebanyakan ayat-ayat al-Qur'an diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w tanpa sebab atau peristiwa yang berlaku. *Asbāb al-Nuzūl* berkait rapat dengan peristiwa yang berlaku ketika hayat Rasulullah s.a.w atau pertanyaan para sahabat r.a. Perasaan ingin tahu para Sahabat r.a tentang hukum terhadap sesuatu masalah, telah mendorong mereka untuk bertanya Rasulullah s.a.w. Lalu al-Qur'an diturunkan untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut.

Al-Imam al-Zarkashiy dan al-Sayūtiy telah menjelaskan antara kepentingan *Asbāb al-Nuzūl* ialah: (Al-Zarkashiy.1972. 1: 22-23 dan al-Sayūtiy. T.th. 1: 28-29) **Pertama:** Untuk mengetahui hikmat pensyariatkan hukum. **Kedua:** Mengkhususkan hukum bagi mereka yang berpendapat "Hukum itu dikira berdasarkan sebab yang khusus". **Ketiga:** Untuk memahami maksud sesuatu

ayat secara tepat. Al-Shaikh Abu al-Fath al-Qushairiy menegaskan: Penjelasan tentang sebab turun sesuatu ayat merupakan kaedah terkuat untuk memahami al-Qur'an. Kaedah ini telah direalisasikan oleh para Sahabat yang menyaksikan penurunan wahyu dan memahami segenap penjurusan isu-isu yang menjadi penyebab utama turun sesuatu ayat. **Keempat:** Kadang-kadang lafaz al-Qur'an itu diturunkan secara umum, tetapi terdapat dalil yang mengkhususkan keumuman tersebut. Oleh itu, apabila sebab turun sesuatu ayat dikenalpasti, maka pengkhususan hukum perlu ditetapkan terhadap masalah yang menjadi penyebab turun ayat sahaja tanpa menjangkau masalah-masalah yang lain. Mengkhususkan hukum terhadap masalah yang menjadi penyebab turunnya sesuatu ayat adalah *qat'ī*, sementara mengeluarkan pengkhususan tersebut kepada ruang lingkup yang lebih luas berdasarkan kepada ijtihad adalah sesuatu yang ditegah. Kaedah ini merupakan permuafakatan ulama seperti yang didakwa oleh al-Qaḍi Abu Bakr di dalam "*al-Taqrīb*". **Kelima:** Menolak sangkaan keterbatasan hukum. **Keenam:** Untuk mengenalpasti individu yang diturunkan ayat kepadanya.

DEFINISI *ASBĀB AL-NUZŪL*

Asbāb al-Nuzūl adalah ungkapan yang tersusun daripada dua perkataan iaitu "*Sabab*" dan "*Nuzūl*". Untuk mendefinisikannya dari sudut bahasa, ia perlu didefinisikan satu persatu.

"*Al-Sabab*" dari Sudut Bahasa

Kalimah "*al-Sabab*" dari sudut bahasa membawa kepada beberapa pengertian iaitu:

a. Tali, sesuatu yang boleh menyampaikannya kepada orang lain. (Al-Fairuz Abadiy, 2005: 75)

Contohnya firman Allah:

مَنْ كَانَ يَظُنُّ أَنْ لَنْ يَنْصُرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ فَلْيَمْدُدْ بِسَبَبٍ إِلَى السَّمَاءِ ثُمَّ لِيَقْطَعْ فَلْيَنْظُرْ هَلْ يُدْهِرَنَّ
كَيْدُهُ، مَا يَعْبِطُ

Maksudnya: *Sesiapa yang menyangka bahawa Allah tidak sekali-kali akan menolong Nabi Muhammad dalam dunia ini dan di akhirat kelak, maka hendaklah ia menghulurkan tali (serta mengikatnya) di bumbung rumahnya, kemudian hendaklah ia menjerut lehernya (supaya ia mati tercekek); dalam pada itu hendaklah ia memikirkan lebih dahulu, adakah tipu dayanya itu dapat menghapuskan sebab-sebab yang menimbulkan kemarahannya?*

Al-Qur'an. Al-Hajj. 22: 15

Maksud "*فليمدد بسبب*" ialah hendaklah ia menghulurkan tali.

b. Jalan. Contohnya: "*وما لي إليه سبب*", maksudnya: Aku tidak ada jalan untuk menuju kepadanya. (Al-Zamakhshariy. 1998. 1: 206)

c. Kadang-kadang perkataan "*al-Sabab*" digunakan dengan makna *majāzīy* membawa maksud: Sesuatu yang boleh menghubungkan seseorang kepada orang lain. (Al-Fairuz Abadiy. 2005. 75)

Contohnya Firman Allah:

إِذْ تَبَرَّأَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا مِنَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا وَرَأَوْا الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ

Maksudnya: *(Iaitu) ketika ketua-ketua yang menjadi ikutan itu berlepas diri dari orang-orang yang mengikutnya, sedang kedua-dua pihak melihat betapa ngerinya azab seksa itu, dan (ketika) terputusnya segala hubungan di antara mereka.*

Al-Qur'an. Al-Baqarah. 2: 166

d. Penggunaan makna *majāzīy* juga bermaksud hidup. (Al-Fairūz Ābādiy. 2005. 75)

Makna “*al-Nuzūl*” dari Sudut Bahasa

“*Al-Nuzūl*” dari segi bahasa bermakna “*al-Ḥulūl*” iaitu singgah. (Al-Fairūz Ābādiy. 2005. 171). Contohnya firman Allah:

فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمْ فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنذَرِينَ

Maksudnya: *Kerana apabila azab itu turun dalam daerah dan kawasan mereka, sudah tentu buruklah hari orang-orang yang tidak mengindahkan amaran yang telah diberikan.*

Al-Qur’an. Al-Ṣaffat. 37: 177

Ia juga membawa maksud “*Inḥidār*”. Iaitu turun daripada atas ke bawah. (Ibn Manzūr.5: 656)

Definisi *Asbāb al-Nuzūl* dari Sudut Istilah

Imam al-Sayūṭiy mendefinisikan *Asbāb al-Nuzūl* sebagai “Berlakunya suatu peristiwa yang menyebabkan turunnya ayat al-Qur’an pada hari berlakunya sesuatu peristiwa”. Al-Sayūṭiy mengaitkan ungkapan “أيام وقوعه” yang bermaksud pada hari berlakunya sesuatu peristiwa untuk mengecualikan apa yang disebut oleh al-Wāḥidiy dalam tafsiran Surah al-Fīl. Al-Wāḥidiy menjelaskan bahawa sebab turun ayat tersebut ialah tentera bergajah datang untuk meruntuhkan ka’bah. (Al-Wāḥidiy. 2003. 370) Sedangkan kisah ini bukan menjadi sebab bagi turun surah al-Fīl, tetapi menceritakan apa yang telah berlaku. (Al-Sayūṭiy. 2002: 8)

Al-Zarqāniy mendefinisikannya sebagai “Turunnya satu ayat atau beberapa ayat al-Qur’an yang memperkatakan tentang sesuatu isu atau menjelaskan hukumnya pada hari berlaku sesuatu peristiwa”. (Al-Zarqāniy. T.th. 1: 106) Ungkapan “Pada hari berlaku sesuatu peristiwa” perlu di letakan didalam definisi *Asbāb al-Nuzūl* untuk mengecualikan ayat-ayat al-Qur’an yang diturunkan tanpa sebab. Contohnya ayat-ayat yang memperkatakan tentang perkara-perkara yang telah berlaku seperti kisah umat-umat terdahulu atau perkara yang akan berlaku seperti gambaran suasana hari Qiamat. (Al-Zarqāniy. T.th. 1: 108)

Definisi ini juga disokong oleh Dr. Mahir Yasin di dalam Tahqiq dan Takhrij *Asbāb al-Nuzūl* al-Wāḥidiy. (Dr. Mahir Yasin. 2005. 39) Alasan tambahan terhadap ungkapan “أيام وقوعه” berbeza antara al-Sayūṭiy dan al-Zarqāniy. Imam al-Sayūṭiy menambahnya untuk mengecualikan ayat-ayat yang diturunkan untuk menceritakan perkara-perkara yang telah berlaku seperti cerita-cerita umat terdahulu, sedangkan al-Zarqāniy menambahnya untuk mengecualikan ayat-ayat yang diturunkan tanpa sebab. Contoh yang dikemukakan oleh al-Zarqāniy adalah sama dengan contoh yang dikemukakan oleh al-Sayūṭiy iaitu seperti kisah umat-umat terdahulu.

Dr. Ṣubḥi Ṣāliḥ pula mendefinisikan *Asbāb al-Nuzūl* sebagai: Mengetahui perkara atau peristiwa yang menjadi salah satu komponen bagi sebab turunnya sesuatu ayat al-Qur’an atau jawapan atau penjelasan tentang hukum pada hari berlakunya peristiwa tersebut. (Dr. Subhi Salih. 1977. 132)

Daripada definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa *Asbāb al-Nuzūl* ialah: (Dr. ‘Imād al-Dīn Muḥammad Rashīd. 1999. 23)

a. Turun sesuatu ayat al-Qur'an di zaman Nabi s.a.w sebagai penjelasan terhadap peristiwa yang berlaku. Contohnya perselisihan yang berlaku antara *Aus* dan *Khazraj* yang hampir-hampir berlakunya peperangan antara mereka, lalu Allah menurunkan ayat:

إِذْ هَمَّتْ طَّائِفَتَانِ مِنْكُمْ أَنْ تَفْشَلَا وَاللَّهُ وَلِيُّهُمَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya: (Ingatlah) ketika dua puak dari kamu (pada hari peperangan Uhud itu) terasa lemah semangat (untuk meneruskan perjuangan) kerana takut, padahal Allah penolong dan pelindung mereka; dan (jika sudah demikian) kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman itu bertawakal.

Āli 'Imrān: 3: 122

Begitu juga ketika Nabi s.a.w bercita-cita untuk menghadap ke Masjidil Haram ketika sembahyang sebagai menggantikan Baitul Maqdis, lalu turun ayat:

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadahkan ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram (tempat letaknya Ka'bah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Ka'bah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan.

Al-Baqarah: 2: 144

b. Menjawab persoalan yang ditujukan kepada Nabi s.a.w seperti soalan Yahudi tentang Dhu al-Qarnayn, lalu Allah turunkan ayat sebagai jawapan terhadap mereka:

وَسَأَلُونَكَ عَنِ ذِي الْقَرْنَيْنِ قُلْ سَأَتْلُوا عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا إِنَّا مَكِّنَّا لَهُ فِي الْأَرْضِ وَءَاتَيْنَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا فَأَتْبَعَ سَبَبًا حَتَّى إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ الشَّمْسِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِي عَيْنٍ حَمِئَةٍ ۖ وَوَجَدَ عِنْدَهَا قَوْمًا قُلْنَا يَأْتِي الْغُرَبَاءَ بِهَا إِذَا أَنْ تَغْدَبَ وَإِنَّا أَنْ تَتَّخَذَ فِيهِمْ حُسْنًا ۗ

Maksudnya: Dan mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai Zulkarnain. katakanlah: "Aku akan bacakan kepada kamu (wahyu dari Allah Yang menerangkan) sedikit tentang perihalnya": Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan memerintah di bumi, dan Kami beri kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya. Lalu ia menurut jalan (yang menyampaikan maksudnya). Sehingga apabila ia sampai ke daerah matahari terbenam, ia mendapatinya terbenam di sebuah mata air yang hitam berlumpur, dan ia dapati di sisinya satu kaum (yang kufur ingkar). Kami berfirman (dengan mengilhamkan kepadanya): "Wahai Zulkarnain! Pilihlah sama ada engkau hendak menyeksa mereka atau engkau bertindak secara baik terhadap mereka".

Al-Qur'an. Al-Kahfi: 18: 83-84

TA^ʿĀRUḌ DAN TARJĪH ANTARA RIWAYAT-RIWAYAT ASBĀB AL-NUZŪL

Ta^ʿāruḍ dari sudut Bahasa dan Istilah:

Bahasa: Al-Man^ʿu iaitu menegah, contohnya: Menegah sesuatu seperti kayu yang diletakan dijalan telah menghalang dan menegah orang lalu lalang seperti firman Allah Ta^ʿala: (Abd al-Latif al-Barzanjiy. 1996. 1: 15)

وَلَا تَجْعَلُوا اللَّهَ عُرْضَةً لِّإِيمَانِكُمْ أَنْ تَبْرُوا وَتَتَّقُوا وَتُصَلِّحُوا بَيْنَ النَّاسِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: *(Dan janganlah kamu jadikan nama) Allah dalam sumpah kamu sebagai benteng yang menghalangi kamu daripada berbuat baik dan bertaqwa, serta mendamaikan perbalahan antara sesama manusia. dan (ingatlah), Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui.*

Al-Qur'an: al-Baqarah: 2: 224

Al-Zuhur, al-Izhar iaitu membentangkan seperti firman Allah: (Ibn Manzur. 2008. 10: 101)

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksudnya: *Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu mamang benar orang-orang yang benar!"*

Al-Qur'an, al-Baqarah: 2: 31

Halangan yang timbul seperti halangan yang berlaku terhadap seseorang yang membatasi aktiviti hariannya seperti sakit, penjenayah, kemurungan dan kesibukan. (Ibn Manzur. 2008. 1: 101)

Al-Muqabalah: komunikasi dan pertemuan. Contohnya: (Ibn Manzur. 2008. 10: 100)

وعن عبد الله حدثنا معمر بهذا الإسناد نحوه وروى أبو هريرة وفاطمة رضي الله عنهما عن النبي صلى الله عليه وسلم أن جبريل كان يعارضه القرآن

Maksudnya: *Abu Hurairah dan Fatimah r.a meriwayatkan daripada Nabi s.a.w bahawa jibril saling membaca al-Qur'an dengan Nabi s.a.w.*

Al-Bukhariy. 1986. 6: 352

Persamaan, contohnya seseorang telah membalas terhadap seseorang yang lain seperti perbuatannya. (Abd al-Latif al-Barzanjiy. 1996. 1: 16)

Dari sudut Istilah: Al-Zarkhasiy menta^ʿrifkan sebagai: Percanggahan dua hujah yang setaraf yang membawa kepada berlawanan seperti halal dan haram, nafi dan ithbat. (Al-Sarkhasiy. 1993. 2: 12)

Shaikh ^ʿAbd al-Wahhab Khallaf di dalam kitabnya *ʿIlm Uṣūl al-Fiqh* mendefinisikan *al-ta^ʿāruḍ* sebagai: Penetapan dalil terhadap sesuatu hukum yang telah menyalahi penetapan yang telah ditentukan oleh dalil yang lain pada masa yang sama. (^ʿAbd al-Wahhab Khallaf. 2003: 263)

Makna Tarjih dari sudut bahasa: Memberatkan, contohnya: Aku memberatkan neraca dengan timbangan. Ia juga membawa maksud melebihkan atau mengukuhkan. (Al-Rafi'i. T.th: 1: 234)

Dari sudut Istilah: Imam al-Baidāwiy mendefinisikannya sebagai: Mengukuhkan salah satu daripada dua dalil terhadap yang lain untuk beramal dengannya. (Al-Baidawiy. 1984. 3: 211)

PERCANGGAHAN ANTARA RIWAYAT-RIWAYAT *ASBĀB AL-NUZŪL*

Apabila terdapat percanggahan antara riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* terhadap satu ayat al-Qur'an, ulama mufasssiron meletak panduan seperti berikut:

Pertama: Apabila terdapat dua riwayat *Asbāb al-Nuzūl* yang bertentangan menceritakan tentang sebab turun satu ayat dan kedua-duanya menggunakan ungkapan tidak jelas menunjukkan sebab turun ayat seperti “Turun ayat ini terhadap masalah ini” atau “Aku mengagak ayat ini diturunkan terhadap masalah ini”, maka tidak dikira berlaku percanggahan antara riwayat-riwayat tersebut kerana maksudnya ialah tafsiran bukan sebab turun ayat. (Manna^c al-Qaṭṭān. T.th. 87 dan al-Sayūṭiy. T.th. 1: 31)

Kedua: Apabila salah satu daripada riwayat menggunakan ungkapan yang tidak jelas seperti “Turun terhadap masalah ini” (نزلت في كذا) sedangkan satu riwayat lagi menggunakan ungkapan yang jelas, maka riwayat yang kedua ditarjihkan. (Manna^c al-Qaṭṭān. T.th. 87) Contoh ungkapan pertama:

حدثنا علي بن سعيد الرازي قال: نا محمد بن أبي عتاب أبو بكر الأعمى قال: نا محمد بن يحيى بن سعيد القطان قال: نا أبي ، عن عبيد الله بن عمر ، عن نافع ، عن ابن عمر قال: « إنما نزلت على رسول الله صلى الله عليه وسلم (نساؤكم حرث لكم) رخصة في إتيان الدبر » « لم يرو هذا الحديث عن عبيد الله بن عمر إلا يحيى بن سعيد ، تفرد به: محمد بن يحيى

Maksudnya: *Daripada Ibn 'Umar berkata: Diturunkan ayat (نساؤكم حرث لكم) ke atas Rasulullah s.a.w sebagai Rukhsah terhadap meliwat isteri. Hadith ini tidak diriwayatkan daripada 'Ubaidillah bin 'Umar kecuali Yahya bin Sa'id, menunggalkan periwayatannya Muhammad bin Yahya.*

Al-Tabraniy. 2008. 9: 22: 3969

Dalam riwayat ini, Ibn 'Umar iaitu perawi hadith telah menggunakan ungkapan yang tidak jelas menunjukkan sebab turun ayat. Oleh itu, Mufasssiron menganggap riwayat ini sebagai tafsiran, bukannya sebab turun. Ini membawa maksud, keringanan terhadap hukum meliwat isteri termasuk di dalam hukum ayat. Contoh ungkapan yang jelas menunjukkan sebab turun ayat:

حدثنا أبو نعيم حدثنا سفيان عن ابن المنكدر سمعت جابرا رضي الله عنه قال كانت اليهود تقول إذا جامعها من ورائها جاء الولد أحول فنزلت {نساؤكم حرث لكم فأتوا حرثكم أنى شئتم}

Maksudnya: *Jabir bin 'Abdullah berkata: Orang-orang Yahudi berkata: Seseorang suami yang menjima' isteri dari posisi belakang akan menyebabkan anak dilahirkan dalam keadaan juling maka turun ayat (yang bermaksud): “Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara Yang kamu sukai”. (Al-Qur'an. Al-Baqarah. 2: 223)*

Al-Bukhariy. 1986. 8: 37

Dalam riwayat ini, perawi hadith iaitu Jabir menggunakan ungkapan yang jelas: “maka turun” (فنزلت الآية) yang menunjukkan bahawa cerita diatas adalah menjadi penyebab turunnya ayat. Maka riwayat yang kedua ini ditarjihkan ke atas riwayat yang pertama. Tambahan pula hadith ini diriwayatkan dengan sanad yang sahih oleh Imam al-Bukhariy.

Ketiga: Apabila terdapat banyak riwayat yang berbeza menceritakan tentang sebab turun satu ayat, salah satu daripadanya sah, sementara yang lain da'if, maka riwayat yang sah adalah muktamad. (Al-Sayuti. T.th: 1: 32) Contohnya sebab turun surah al-Duha, terdapat dua riwayat yang berbeza iaitu:

Riwayat pertama:

حدثنا أحمد بن يونس حدثنا زهير حدثنا الأسود بن قيس قال سمعت جندب بن سفيان رضي الله عنه قال اشتكى رسول الله صلى الله عليه وسلم فلم يقم ليلتين أو ثلاثا فجاءت امرأة فقالت يا محمد إني لأرجو أن يكون شيطانك قد تركك لم أره قربك منذ ليلتين أو ثلاثة فأنزل الله عز وجل {والضحى والليل إذا سجى ما ودعك ربك وما قلى}

Maksudnya: *Jundub bin Sufyan menceritakan: Rasulullah s.a.w telah mengadu bahawa Baginda terlewat bangun tidur selama dua atau tiga malam, seorang perempuan telah datang dan berkata kepadanya: "Wahai Muhammad! Aku harap syaitan engkau telah meninggalkan engkau, dia telah menjauhkan diri daripada engkau selama dua atau tiga malam, lalu Allah menurunkan: "Demi waktu duha. Dan malam apabila ia sunyi-sepi - (Bahawa) Tuhanmu (Wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan ia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik).*

Al-Bukhariy. 1986. 8: 580 dan Muslim. T.th. 9: 281

Riwayat kedua:

حدثنا علي بن عبد العزيز، ثنا أبو نعيم، ثنا حفص بن سعيد القرشي، حدثني أمي، عن أمها، وكانت خادم رسول الله صلى الله عليه وسلم، أن جروا دخل البيت، ودخل تحت السرير ومات فمكث نبي الله صلى الله عليه وسلم، أياما لا ينزل عليه الوحي، فقال: يا خولة ما حدث في بيت رسول الله؟ جبريل لا يأتيني فهل حدث في بيت رسول الله حدث؟ فقلت: والله ما أتى علينا يوم خير من يومنا، فأخذ برده فلبسه وخرج، فقلت: لو هيأت البيت، وكنسته، فأهويت بالمكنسة تحت السرير، فإذا شيء ثقيل فلم أزل حتى أخرجته، فإذا بجمرو ميت، فأخذته بيدي، فألقيته خلف الدار، فجاء نبي الله ترعد لحبيه، وكان إذا أتاه الوحي أخذته الرعدة، فقال: يا خولة، دثرتني فأنزل الله: "والضحى والليل إذا سجى ما ودعك ربك وما قلى"

Maksudnya: *Daripada Hafṣ bin Sa'īd menceritakan, ibunya telah menceritakan daripada ibunya, beliau adalah khadam Rasulullah s.a.w, anak anjing telah masuk ke dalam rumah Rasulullah s.a.w lalu bersembunyi di bawah katil dan mati. Selepas itu Nabi tinggal dalam keadaan tidak diturunkan wahyu selama beberapa hari. Nabi bersabda: "Wahai Khaulah! Apakah yang berlaku di rumah Rasulullah s.a.w? Jibril tidak datang kepada aku, adakah berlaku sesuatu di rumah Rasulullah s.a.w? Aku menjawab: "Demi Allah, tidak datang kebaikan kepada kita seperti hari ini". Lalu Rasulullah mengambil selimutnya dan memakainya. Selepas itu Baginda keluar. Aku berkata dalam hati: "Aku hendak mengemas rumah dan menyapunya". Aku menghulurkan penyapu di bawah katil dan mendapati sesuatu yang berat dan aku berusaha untuk mengeluarkannya. Rupa-rupanya ia adalah bangkai anak anjing. Aku mengambilnya dengan tangan aku dan membuangnya di belakang rumah. Nabi Allah datang dalam keadaan menggigil janggutnya. Nabi s.a.w, apabila wahyu diturunkan ke atasnya ia akan menggeletar. Baginda berkata: "Wahai Khaulah! Tolong selimutkan aku". Lalu turun ayat (yang bermaksud): "Demi waktu dhuha. Dan malam apabila ia sunyi-sepi - (Bahawa) Tuhanmu*

(Wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan ia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik)”.
Al-Tabraniy. 2008. 17: 488: 20103

Al-Buwaişiriy di dalam *Ithāf al-Khiyarah* mengkritik: “Sanad hadith ini da‘if”. (Al-Buwaişiriy. 1999. 6: 99: 5896) Al-Haithamiy di dalam *Majma‘ al-Zawā‘id* mengkritik: “Aku tidak mengenali ibu kepada Hafş”. (Al-Haithamiy. T.th. 3: 231)

Ibn Hajar al-‘Asqalaniy berkata: “Kisah lambat turun wahyu kerana anak anjing di bawah katil nabi s.a.w adalah masyhur, tetapi dari sudut menjadi sebab turunnya ayat “al-Duha “ adalah Gharib, bahkan *shadh* dan *mardud* jika dibandingkan dengan hadith yang disebut di dalam kitab al-Sahih”. (Al-‘Asqalaniy. 1986. 8: 580)

Keempat: Apabila dua atau lebih riwayat yang menyamai kesahihannya dan terdapat qarinah untuk mentarjihkan salah satu daripadanya seperti perawi berada ditempat peristiwa atau salah satunya lebih sahih daripada yang lain, wajib didahulukan riwayat yang lebih rajih. (Al-Sayūṭiy. T.th. 1: 32) Contohnya terdapat dua riwayat yang berbeza berkaitan sebab turun ayat 85 Surah al-Isra’, kedua-duanya adalah sahih:

Riwayat pertama:

حدثنا عمر بن حفص بن غياث حدثنا أبي حدثنا الأعمش قال حدثني إبراهيم عن علقمة عن عبد الله رضي الله عنه قال بينا أنا مع النبي صلى الله عليه وسلم في حرث وهو متكئ على عسيب إذ مر اليهود فقال بعضهم لبعض سلوه عن الروح فقال ما رأيكم إليه وقال بعضهم لا يستقبلكم بشيء تكرهونه فقالوا سلوه فسألوه عن الروح فأمسك النبي صلى الله عليه وسلم فلم يرد عليهم شيئاً فعلمت أنه يوحى إليه فقامت مقامي فلما نزل الوحي قال {ويسألونك عن الروح قل الروح من أمر ربي وما أوتيتم من العلم إلا قليلاً}

Maksudnya: *Daripada ‘Abdullah menceritakan: Ketika aku bersama Nabi s.a.w di sebuah ladang dan baginda berpaut atas pelepah tamar, tiba-tiba lalu orang-orang Yahudi dan mereka berkata sesama mereka: Tanyalah dia berkaitan ruh. Salah seorang telah berkata: Apakah hajat kamu kepadanya? Sebahagian mereka berkata: Dia tak pernah mendatangi kepada kamu sesuatu yang kamu benci. Mereka berkata: Tanyalah dia. Lalu mereka pun bertanya kepadanya berkaitan ruh. Nabi s.a.w tidak menjawab. Aku tahu pada ketika itu wahyu sedang diturunkan kepadanya, aku tetap ditempat aku, ketika wahyu turun Baginda berkata:*

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلٌ ۗ

Maksudnya: *Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: "Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit".*(Al-Isra’: 17: 85)

(Al-Bukhariy. 1986. 8: 253 dan Muslim. T.th. 13: 384)

Riwayat kedua:

حدثنا قتيبة حدثنا يحيى بن زكريا بن أبي زائدة عن داود بن أبي هند عن عكرمة عن ابن عباس قال قالت قريش لليهود أعطونا شيئاً نسأل هذا الرجل فقال سلوه عن الروح قال فسألوه عن الروح فأئزله الله تعالى {ويسألونك عن الروح قل الروح من أمر ربي وما أوتيتم من العلم إلا قليلاً}

Maksudnya: *Ibn ‘Abbas menceritakan: Orang Quraysh berkata kepada Yahudi, Berikanlah kami sesuatu supaya kami bertanya lelaki ini. Jawab Yahudi: Tanyalah*

kepadanya berkaitan ruh. Kata Ibn 'Abbas: Mereka pun bertanya kepadanya tentang ruh, maka Allah menurunkan ayat:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلٌ ۗ

Maksudnya: Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: "Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit".

Al-Tirmidhiy. 1990. 8: 457

Riwayat pertama menunjukkan peristiwa ini berlaku di Madinah dan riwayat kedua menunjukkan peristiwa ini berlaku di Mekah kerana soalan tersebut diajukan oleh orang-orang Quraysh. Daripada dua riwayat di atas, yang pertama adalah lebih rajih kerana dua sebab: (Al-Sayutiyy. T.Th. 1: 33) iaitu: Pertama hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhariyy lebih sahih daripada riwayat yang lain. Kedua: Ibn Mas'ud hadir dan berada bersama Rasulullah s.a.w ketika peristiwa berlaku.

Kelima: Apabila kedudukan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* sama taraf dari sudut kesahihannya dan tidak wujud qarinah untuk ditarjihkan salah satu daripadanya, hendaklah ditaufiqkan kesemuanya. Kemungkinan sesuatu ayat itu diturunkan kerana berlaku dua sebab atau lebih dalam jarak masa yang hampir. Contohnya sebab turun ayat 6 Surah al-Nur:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنْفُسُهُمْ فَشَهَدُوهُ أَحَدِهِمْ أَزْبَعُ شَهَادَتُ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ

Maksudnya: Dan orang-orang yang menuduh isterinya berzina, sedang mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya itu) hanya dirinya sendiri, maka persaksian (sah pada syarak) bagi seseorang yang menuduh itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa sesungguhnya ia dari orang-orang yang benar; -

Al-Nur: 24: 6

Terdapat dua riwayat yang berbeza berkaitan turun ayat ini iaitu:

Pertama:

حدثني محمد بن بشار حدثنا ابن أبي عدي عن هشام بن حسان حدثنا عكرمة عن ابن عباس أن هلال بن أمية قذف امرأته عند النبي صلى الله عليه وسلم بشريك ابن سحماء فقال النبي صلى الله عليه وسلم البينة أو حد في ظهرك فقال يا رسول الله إذا رأى أحدنا على امرأته رجلا ينطلق يلتبس البينة فجعل النبي صلى الله عليه وسلم يقول البينة وإلا حد في ظهرك فقال هلال والذي بعثك بالحق إني لصادق فليزلن الله ما يرى ظهري من الحد فنزل جبريل وأنزل عليه والذين يرمون أزواجهم فقرأ حتى بلغ إن كان من الصادقين

Maksudnya: Daripada Ibn 'Abbas bahawa Hilal bin Umayyah telah menuduh isterinya berzina dengan Sharik bin Samha'. Nabi s.a.w bersabda: Saksi atau kamu akan dihukum sebat. Hilal menjawab: Wahai Rasulullah! Apabila salah seorang daripada kita melihat lelaki berada di atas isterinya adakah dia perlu mencari saksi? Nabi s.a.w bersabda lagi: Saksi atau kamu akan dihukum sebat. Hilal menjawab: Demi Tuhan yang mengutus kamu dengan kebenaran, sesungguhnya aku benar, Allah akan menurunkan ayat yang akan membersihkan aku daripada hukuman hudud. Maka jibril pun turun dan membawa bersama ayat والذين يرمون أزواجهم وإن كان من الصادقين

Al-Bukhariyy. 1986. 8. 303

حدثنا إسحاق حدثنا محمد بن يوسف حدثنا الأوزاعي قال حدثني الزهري عن سهل بن سعد أن عويمرا أتى عاصم بن عدي وكان سيد بني عجلان فقال كيف تقولون في رجل وجد مع امرأته رجلا أبقته فتقتلونه أم كيف يصنع سل لي رسول الله صلى الله عليه وسلم عن ذلك فأتى عاصم النبي صلى الله عليه وسلم فقال يا رسول الله فكره رسول الله صلى الله عليه وسلم المسائل فسأله عويمر فقال إن رسول الله صلى الله عليه وسلم كره المسائل وعابها قال عويمر والله لا أنتهي حتى أسأل رسول الله صلى الله عليه وسلم عن ذلك فجاء عويمر فقال يا رسول الله رجل وجد مع امرأته رجلا أبقته فتقتلونه أم كيف يصنع فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم قد أنزل الله القرآن فيك وفي صاحبك فأمرهما رسول الله صلى الله عليه وسلم بالملاعنة بما سمى الله في كتابه فلاعنها ثم قال يا رسول الله إن حبستها فقد ظلمتها فطلقها فكانت سنة لمن كان بعدهما في المتلاعنين ثم قال رسول الله صلى الله عليه وسلم انظروا فإن جاءت به أسحم أدعج العينين عظيم الألتين خدلج الساقين فلا أحسب عويمرا إلا قد صدق عليها وإن جاءت به أحيمر كأنه وحره فلا أحسب عويمرا إلا قد كذب عليها فجاءت به على النعت الذي نعت به رسول الله صلى الله عليه وسلم من تصديق عويمر فكان بعد ينسب إلى أمه

Maksudnya: *Daripada Sahl bin Sa'd bahawa 'Uwaimir datan bertemu 'Asim bin 'Adiy. Beliau merupakan ketua Bani 'ijlan. 'Uwaimir berkata: Apa pendapat kamu tentang seorang lelaki yang mendapati isterinya bersama seorang lelaki, adakah ia membunuhnya dan kamu pula membunuhnya atau bagaimana? Tanyalah masalah ini kepada Rasulullah s.a.w untuk aku. 'Asim pun pergi bertemu Nabi s.a.w dan berkata: Wahai Rasulullah! Tetapi Rasulullah s.a.w benci pertanyaan. 'Uwaimir bertanya kepada 'Asim tentang jawapan Rasulullah s.a.w. 'Asim menjawab: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w benci pertanyaan dan mencelanya. 'Uwaimir berkata: Demi Allah! Aku tak akan berhenti sehingga aku bertanya Rasulullah s.a.w tentang masalah ini. 'Uwaimir datang bertemu Rasulullah s.a.w dan berkata: Wahai Rasulullah! Seorang lelaki mendapati isterinya bersama lelaki lain, adakah dia perlu membunuhnya maka kamu pula akan membunuhnya atau bagaimana? Rasulullah s.a.w menjawab: Sesungguhnya Allah telah menurunkan al-Qur'an tentang lamu dan isteri kamu. Lalu Rasulullah s.a.w memerintahkan mereka bermula'annah dengan apa yang Allah namakan di dalam kitabNya. Lalu 'Uwaimir bermula'annah dengannya kemudian berkata: Wahai Rasulullah! Sekiranya aku menahannya, aku telah menzaliminya. Lalu 'Uwaimir pun menceraikannya. Ini adalah sunnah bagi suami isteri yang bermula'annah selepas mereka. Kemudian Rasulullah s.a.w bersabda: Lihatlah! jika ia melahirkan anak yang terlalu hitam, matanya juga terlalu hitam dan besar pinggulnya dan besar dua betisnya, aku pasti tuduhan 'Uwaimir terhadapnya itu adalah benar. Jika anak itu berkulit putih kemerahan, aku pasti tuduhan 'Uwaimir keatasnya adalah dusta. Selepas itu anak dilahirkan dengan rupa yang disifatkan oleh Rasulullah s.a.w dan membenarkan tuduhan 'Uwaimir. Selepas itu anak dibinkan kepada ibunya.*

Al-Bukhariy. 1986. 8: 303

Imam Al-'Ainiy berkata: "Ulama berselisih pendapat tentang sebab turun ayat *Lfān*: (Al-'Ainiy. T.th. 10: 75)

Pendapat pertama: Diturunkan sebab 'Uwaimir. Hujah mereka ialah sabda Nabi s.a.w: (قد أنزل الله القرآن فيك وفي صاحبك)

Jumhur ulama pula berpendapat ayat ini diturunkan sebab Hilal bin Umayyah. Beliau merupakan lelaki pertama yang melakukan Li'an dalam Islam.

Al-Dawudiy mentaufiqkan antara keduanya dengan andaian peristiwa tersebut berlaku serentak dan al-Qur'an diturunkan terhadap kedua-duanya.

Ibn al-Sibagh berpendapat: "Amat jelas sekali, kisah Hilal bin Umayyah adalah penyebab turun ayat *Li'an*, adapun sabda Nabi s.a.w kepada 'Uwaimir: "Sesungguhnya Allah menurunkan kepada engkau dan sahabat engkau" bermaksud kisah yang berlaku kepada Hilal kerana hukum dalam ayat tersebut adalah umum untuk semua manusia.

Ibn Hajar berpendapat tidak menjadi masalah jika berbilang sebab terhadap satu ayat. (Al-^oAsqalaniy. 1986. 8: 305)

Keenam: Sekiranya dua atau lebih riwayat *Asbab al-Nuzul* yang bertentangan dan tidak boleh ditaufiqkan kerana jarak masa yang jauh, sebahagian ulama berpendapat ayat tersebut diturunkan berulang kali. (Lihat al-Sayutiyy. T.th. 1: 33 dan Manna^c al-Qatṭān. T.th. 91) Contohnya sebab turun ayat 113 Surah al-Taubah:

Hadith Pertama:

حدثنا إسحاق بن إبراهيم حدثنا عبد الرزاق أخبرنا معمر عن الزهري عن سعيد بن المسيب عن أبيه قال لما حضرت أبا طالب الوفاة دخل عليه النبي صلى الله عليه وسلم وعنده أبو جهل وعبد الله بن أبي أمية فقال النبي صلى الله عليه وسلم أي عم قل لا إله إلا الله أحاج لك بما عند الله فقال أبو جهل وعبد الله بن أبي أمية يا أبا طالب أترغب عن ملة عبد المطلب فقال النبي صلى الله عليه وسلم لأستغفرن لك ما لم أنه عنك فنزلت { ما كان للنبي والذين آمنوا أن يستغفروا للمشركين ولو كانوا أولي قربى من بعد ما تبين لهم أصحاب الجحيم }

Maksudnya: *Daripada Sa'id bin al-Musyyib daripada bapanya berkata: Ketika Abu Talib hampir mati, Nabi s.a.w masuk menghampirinya, ketika itu di sisinya Abu Jahl dan 'Abdullah bin Umayyah. Nabi s.a.w bersabda: Wahai bapa saudaraku! Katalah: "لا إله إلا الله" aku akan jadikan hujah untuk kamu di sisi Allah".*

Lalu Abu Jahl dan 'Abdullah bin Umayyah berkata: "Wahai Abu Talib! Adakah engkau hendak tinggalkan agama 'Abd al-Muttalib?". Nabi s.a.w pun bersabda: "Aku akan memohon ampun untuk kamu selagi aku tidak ditegah berbuat demikian, lalu turunlah ayat:

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولِي قُرْبَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَابُ الْجَحِيمِ

Maksudnya: *Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah ahli neraka. (Al-Qur'an: al-Taubah: 9: 113)*

Al-Bukhariy. 1986. 8: 192: 4675, Muslim. T.th. 1: 121: 35,
Imam Ahmad. 2009. 48: 177

Hadith Kedua:

حدثنا محمود بن غيلان حدثنا وكيع حدثنا سفيان عن أبي إسحق عن أبي الخليل كوفي عن علي قال سمعت رجلا يستغفر لأبويه وهما مشركان فقلت له أتستغفر لأبويك وهما مشركان فقال أوليس استغفر إبراهيم لأبيه وهو مشرك فذكرت ذلك للنبي صلى الله عليه وسلم فنزلت { ما كان للنبي والذين آمنوا أن يستغفروا للمشركين } قال أبو عيسى هذا حديث حسن

Maksudnya: *Daripada ʿAli berkata: Aku mendengar seorang lelaki meminta ampun untuk kedua ibu bapanya yang mushrik, maka aku berkata kepadanya: “Adakah kamu memohon ampun untuk kedua ibu bapa kamu yang mushrik?” Lelaki itu menjawab: Adakah tidak Nabi Ibrahim meminta ampun untuk bapanya yang mushrik? Aku pun memberitahu perkara tersebut kepada Nabi s.a.w lalu turun ayat:*

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولِي قُرْبَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَابُ الْجَحِيمِ

Maksudnya: *Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik,.* (Al-Qur’an. Al-Taubah: 9: 113)
Al-Tirmidiy. 1990. 8: 400: 3300, Al-Baihaqiy. 2003. 12: 13: 8933,
Imam Ahmad. 2009. 2: 238: 732

Hadith ketiga:

أخبرنا عمران بن موسى بن مجاشع ، قال : حدثنا أحمد بن عيسى المصري ، قال : حدثنا ابن وهب ، قال : حدثنا ابن جريج ، عن أيوب بن هانئ ، عن مسروق بن الأجدع ، عن ابن مسعود ، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم خرج يوماً ، فخرجنا معه ، حتى انتهينا إلى المقابر ، فأمرنا فجلسنا ، ثم تخطى القبور حتى انتهى إلى قبر منها فجلس إليه ، فناجاه طويلاً ، ثم رجع رسول الله صلى الله عليه وسلم باكياً ، فبكينا لبكاء رسول الله صلى الله عليه وسلم ، ثم أقبل علينا ، فتلقاها عمر رضوان الله عليه وقال : ما الذي أبكاك يا رسول الله ، فقد أبكيتنا وأفزعتنا ؟ فأخذ بيد عمر ، ثم أقبل علينا ، فقال : « أفزعكم بكائي ؟ » قلنا : نعم ، فقال : « إن القبر الذي رأيتموني أناجي قبر أمية بنت وهب ، وإني سألت ربي الاستغفار لها ، فلم يأذن لي ، فنزل علي : (ما كان للنبي والذين آمنوا أن يستغفروا للمشركين) ، فأخذني ما يأخذ الولد للوالد من الرقة ، فذلك الذي أبكاني . ألا وإني كنت نهيتكم عن زيارة القبور ، فزوروها ، فإنها ترهد في الدنيا وترغب في الآخرة »

Maksudnya: *Daripada Ibn Mas’ud, bahawa Rasulullah s.a.w keluar bersama kami pada suatu hari hingga sampai di kawasan perkuburan, Baginda menyuruh kami duduk, kemudian Baginda melangkah kubur hingga sampai di satu kubur Baginda duduk di situ. Baginda bermunajat panjang, kemudian kembali Rasulullah s.a.w sambil menangis, kami pun menangis kerana tangisannya, kemudian Baginda datang kepada kami dan disambut oleh ʿUmar r.a sambil bertanya: Apakah yang menyebabkan kamu menangis wahai Rasulullah? Kamu telah menyebabkan kami menangis dan memeranjatkan kami. Lalu Baginda memegang tangan ʿUmar kemudian menghadap kami dan bertanya: “Adakah tangisan aku mengejutkan kamu?”. Kami menjawab: “Ya”. Baginda bersabda: “Sesungguhnya kubur yang kamu lihat aku bermunajat tadi adalah kubur ibuku Aminah bint Wahab”. Aku memohon keampunan Allah untuknya tetapi Allah tidak izinkan, lalu turun kepadaku ayat yang bermaksudnya: “Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-*

orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah ahli neraka”. (Al-Qur’an. Al-Taubah: 9: 113) Aku telah dibaluti perasaan kasihan terhadap ibu bapa, itulah yang menyebabkan aku menangis. Ketahuilah! Sesungguhnya aku telah melarang kamu menziarahi kubur, ziarahilah kubur, kerana ia melahirkan sifat zuhud di dunia dan gemar kepada akhirat.

Ibn Hibban. 1952. 4: 455: 986, Al-Hakim. 2002. 7: 429: 3250

Al-Shaikh al-Albaniy menilai hadith ini sebagai da‘if di dalam *al-Ta‘liqāt al-Hisān ‘ala Ṣaḥīḥ Ibn Hibban*. (Al-Albaniy. 2003. 2: 991: 977) Terdapat hadith dengan maksud yang sama diriwayatkan oleh Imam Muslim tanpa menyebut sebab turun ayat:

حدثنا يحيى بن أيوب ومحمد بن عباد واللفظ ليحيى قال حدثنا مروان بن معاوية عن يزيد يعني ابن كيسان عن أبي حازم عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم استأذنت ربي أن أستغفر لأمي فلم يأذن لي واستأذنته أن أزور قبرها فأذن لي

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Aku meminta izin kepada Allah beristighfar untuk ibuku tetapi Allah tidak izinkan, dan aku meminta izin untuk menziarahi kuburnya, Allah izinkan untukku.*

Muslim. T.th. 5: 105: 1621

Setelah mengemukakan riwayat-riwayat di atas, Manna^c al-Qattān membuat ulasan: Aku tidak sependapat dengan ulama yang mengatakan ayat ini diturunkan berulang kali kerana tidak nampak hikmat yang jelas. Menurut pendapat aku, riwayat yang banyak tentang sebab turun bagi satu ayat, jika tidak boleh ditaufiqkan, perlu ditarjih salah satu daripadanya. Dalam masalah di atas, riwayat pertama ditarjih kerana diriwayatkan didalam dua kitab Sahih al-Bukhariy dan Muslim. (Manna^c al-Qattan. T.th. 91)

BEBERAPA AYAT DITURUNKAN UNTUK SEBAB YANG SATU

Kadang-kadang beberapa ayat diturunkan di dalam beberapa surah untuk menjelaskan tentang satu masalah. (Al-Sayuti. T.th. 1: 34) Contoh ayat pertama:

أخبرنا أبو عون محمد بن أحمد بن ماهان على الصفا ، ثنا أبو عبد الله محمد بن علي بن زيد المكي ، ثنا يعقوب بن حميد ، ثنا سفيان بن عيينة ، عن عمرو بن دينار ، عن سلمة بن أبي سلمة ، رجل من ولد أم سلمة ، عن أم سلمة رضي الله عنها ، أنها قالت : يا رسول الله ، لا أسمع الله ذكر النساء في الهجرة بشيء . فأنزل الله عز وجل « (فاستجاب لهم ربهم أني لا أضيع عمل عامل منكم من ذكر أو أنثى بعضهم من بعض) » « هذا حديث صحيح على شرط البخاري ولم يخرجاه »

Maksudnya: *Daripada Um Salamah r.a berkata: Wahai Rasulullah! Aku tidak pernah mendengar Allah menyebut tentang perempuan dalam pengorbanan mereka terhadap hijrah, lalu Allah turunkan ayat yang bermaksud: "Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firmanNya): "Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain". (Al-Qur’an. Ali‘Imran. 3: 195)*

Al-Shaikh al-Albāniy menilai hadith ini sebagai da'if di dalam Ithūf al-Khiyarah kerana sebahagian parawinya majhūl. (Al-Albāniy. 1999. 6: 62: 5654)

Al-Hakim. 2002. 7: 304: 3131, Abu Ya'la al-Musiliy. 1989. 14: 238: 6803, al-Humaydiy. T.th.1: 222: 320, al-Baihaqiy. 2003. 14: 238: 5541

Contoh kedua:

حدثنا عبد بن حميد حدثنا محمد بن كثير حدثنا سليمان بن كثير عن حصين عن عكرمة عن أم عمارة الأنصارية أنها أتت النبي صلى الله عليه وسلم فقالت ما أرى كل شيء إلا للرجال وما أرى النساء يذكرن بشيء فنزلت هذه الآية {إن المسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات} الآية

Maksudnya: *Daripada Um 'Imārah al-Anṣāriyyah, beliau datang bertemu Nabi s.a.w dan berkata: "Aku tidak lihat sesuatu kecuali lelaki dan aku lihat perempuan tidak pernah disebut didalam al-Qur'an lalu turun ayat yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman" (Al-Qur'an. Al-Ahzab. 33: 35) hingga akhir ayat.*

Hadith ini dinilai sahih oleh al-Shaikh al-Albāniy di dalam Ṣaḥīḥ wa Ḍa'īf Sunan al-Tirmidhiy. (Al-Albaniy. 1998. 7: 211: 3211)

Al-Tirmidhiy. 1990. 9: 53, al-Hakim. 2002. 8: 222: 3519, al-Tabraniy. 2008. 10: 255: 12448

Kedua-dua ayat ini diturunkan atas sebab yang satu iaitu persoalan perempuan kenapa mereka tidak disebut di dalam al-Qur'an.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, *Asbāb al-Nuzūl* bukan sekadar catatan sejarah penurunan sesuatu ayat al-Qur'an, tetapi peranannya menjangkau keseluruhan aspek tujuan penurunan al-Qur'an itu sendiri. Secara ringkaskannya, dikatakan bahawa *Asbāb al-Nuzūl* adalah perincian terhadap kemujmalan al-Qur'an, Mengkaitkan sesuatu kemutlakan al-Qur'an, Penjelasan terhadap kesamaran. Peranannya melangkaui permasalahan akidah, hukum dan perkhawaran yang telah lalu dan akan datang. Oleh itu, mentarjihkan riwayat-riwayat Asbab al-Nuzul yang bertentangan adalah perkara yang amat penting bagi mereka yang menceburkan diri dalam bidang pentafsiran al-Qur'an. Selain itu, memastikan kesahihan riwayat-riwayat *Asbāb al-Nuzūl* juga merupakan satu kewajipan bagi mereka yang berinteraksi dengan kitab-kitab Tafsir al-Qur'an. Kajian awal yang dilakukan mendapati, banyak kitab-kitab *Asbāb al-Nuzūl* yang ditulis oleh sarjana-sarjana Islam Mutakhir ini dipersembahkan dalam bentuk yang lebih sempurna. Hadith-hadith berkaitan *Asbāb al-Nuzūl* telah ditahqiq dan ditakhrij menurut kaedah ilmiah. Adalah tidak wajar kiranya terdapat dikalangan umat Islam yang masih berhujah dengan hadith yang *da'if* ketika memperkatakan tentang sebab turun sesuatu ayat. Bagi sarjana-sarjana Islam khususnya di Malaysia, perlu memperbanyakkan kajian berkaitan ilmu ini untuk dipersembahkan kepada masyarakat supaya hadith-hadith *da'if* tidak menjadi virus yang menghancurkan kefahaman masyarakat terhadap Islam. Lihatlah hadith-hadith *da'if* dan *mauḍū'c* yang berkaitan dengan *Asbāb al-Nuzūl al-Qur'an* seperti hadith ibu dan ayah Nabi s.a.w dihidupkan semula oleh Allah untuk beriman dengan Baginda s.a.w telah tersebar dikalangan masyarakat. Sebahagian masyarakat bukan sekadar menerima *hadith mauḍū'c* ini, bahkan dalam masa yang sama telah menolak hadith sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhariy dan Muslim. Begitulah juga dengan kisah Hindun bint 'Utbah yang dikatakan telah membelah perut Hamzah r.a dan memakan hatinya telah menjadi cerita yang

masyhur dan diterima oleh masyarakat, sedangkan ulama-ulama *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* menghukumnya sebagai *da'if*.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Shaikh 'Abdullah bin Muhammad Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Ctk-12. 1995. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur.

'Abd al-Laṭīf 'Abdullah 'Azīz. 1996M/1417H. *Al-Ta'āruḍ wa al-Tarjīḥ baina al-Adillah al-Shar'iyah*. Bairut-Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Albaniy. Abu 'Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin Nuh Najatiy bin Adam. 2003m/1424h. *Al-Ta'liqat al-Hisan 'ala Sahih Ibn Hibban*. Cet pertama. Dar Bawazir.

Al-Albaniy. Abu 'Abd al-Rahman Nasir al-Din bin Nuh Najatiy bin Adam. 1998M/1419H. *Sahih wa Da'if Sunan al-Tirmidhiy*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.

Ahmad bin Hanbal al-Shaibaniy. 1983M/1403H. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Cet kedua. Jāmi'ah Umm al-Qura.

Al-'Asqalaniy. Ahmad bin 'Ali bin Hajar. 1986M/1407H. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhariy*. Dar al-Rayyan li al-Turath.

Al-'Aini. Maḥmūd bin Aḥmad bin Mūsā bin Aḥmad bin al-Ḥusayn bin Yusuf bin Maḥmūd. T.th. *'Umdat al-Qāri Shaḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Dār al-Fikr.

Al-Baihaqiy. Abu Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin 'Ali. 1988M. *Dalā'il al-Nubuwwah*. Cet pertama. Bairut -Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Tahqiq: Dr 'Abd al-Muṭṭiy Qal'ajiy.

Al-Baihaqi. Abu Bakr Ahmad bin al-Husain bin Ali. 1344H. *Al-Sunan al-Kubra*. Cet pertama. Majlis Da'irah al-Ma'arif al-Nizamiyyah al-Kainah fi al-Hind.

Al-Baihaqiy. Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali bin Musa, Abu Bakr. 2003M/1424H. *Sunan al-Baihaqiy*. Cet ketiga. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Baihaqiy. Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali bin Musa. Abu Bakr. 2003M/1423H. *Shu'ab al-Iman*. Cet pertama. Riyad: Maktabah al-Rushd. Tahqiq: Mukhtar Ahmad al-Nadawiy, 'Abd al-'Aliy 'Abd al-Hamid Hamid.

Al-Baihaqiy. Ahmad bin al-Husain bin 'Ali bin Musa Abu Bakr al-Baihaqiy. 1992M/1412H. *Al-Sunan al-Ṣaghīr*. Cet pertama. Bairut-Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Bukhāriy. Abu 'Abdullah Muḥammad bin Ismā'īl. T.th. *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Faiṣal 'Īsa al-Babiy al-Ḥalabiy.

Al-Buwaiṣīriy. Aḥmad bin Abi Bakr bin Ismā'īl. 1998M/1419H. *Iṭḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-'Asharah*. Cet pertama. Riyad: Maktabah al-Rushd. Tahqiq: Abu 'Abd al-Raḥmān 'Ādil bin Sa'd/ Abu Ishāq al-Sayyid Maḥmūd Ismā'īl.

Al-Haithami Nur al-Din Ali bin Abu Bakr. 1412H. *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*. Bairut. Dar al-Fikr.

Ibn Manẓūr. Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukrim al-Afrīqiy al-Miṣriy. 2008M. *Lisān al-'Arab*. Cet keenam. Bairut: Dār Ṣādir.

'Imād al-Dīn Muḥammad al-Rashīd. Dr. 1999M/1420H. *Asbāb al-Nuzūl wa Atharuha fi Bayān al-Nuṣūṣ: Dirāsah Muqāranah baina Uṣūl al-Tafsīr wa Uṣūl al-Fiqh*. Dār al-Shihāb.

Manna' al-Qaṭṭān. T.th. *Mabāḥith fi 'Ulūm al-Qur'ān*. Al-Ḥaramayn.

Muslim. Al-Imam Abu al-Ḥusain Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairiy al-Naisabūriy. T.th. *Sahih Muslim*. Miṣr: Dār Ihya' al-Turāth.

Al-Sayūṭiy. Jalal al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr. T.th. *Al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'ān*. Bairut. Lubnan: Dār al-Nadwah al-Jadīdah.

- Al-Ṭabranīy. Sulaimān bin Aḥmad bin Ayyub Abu al-Qasim. 1983M. *Al-Muʿjam al-Kabīr*. Maktabah al-Rushd.
- Al-Ṭabranīy. Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim. 1995M/1415H. *Al-Muʿjam al-Ausat*. Cet pertama. Dār al-Ḥaramayn. Tahqīq: Ṭāriq ʿIwaḍ Allah/ Muḥsin al-Ḥusainiy.
- Al-Ṭabranīy Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim. 1985M/1405H. *Al-Muʿjam al-Ṣaghīr*. Cet pertama. Bairut-Lubnan. Al-Maktab al-Islāmiy. Tahqīq: Abu Mahmud Mahmud Shakur.
- Al-Wahidiy. Abu al-Hasan Ali bin Ahmad bin Muhammad bin Ali. *Asbāb al-Nuzūl*. 2002M/1424H. Dār al-Ḥadīth al-Qāhirah. Tahqīq: Aiman Ṣāliḥ Shaʿbān.
- Al-Zarkashiy. Badr al-Din Muḥammad bin ʿAbdullah. T.th. *Al-Burhān fi ʿUlūm al-Qurʾān*. Ṣaida-Bairūt: Manshūrāt al-Maktabah al-ʿAṣriyyah. Tahqīq: Muḥammad Abu al-Faḍl Ibrāhīm.
- Al-Zarqāniy. Muḥammad ʿAbd al-ʿAzīm. T.th. *Manāhil al-ʿIrfān fi ʿUlūm al-Qurʾān*. Maṭbaʿah Dār Iḥyaʾ al-Kutub al-ʿArabiyyah.